

Ruj. Kami : PMS/UP/656-3 JLD.2/()
Tarikh: Ogos 2002

Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan

Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan
Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan

Pengarah Kerja Raya
Ibu Pejabat
Jabatan Kerja Raya Negeri Sabah
88582 KOTA KINABALU

Pengarah
Jabatan Pengairan dan Saliran Sabah
Tingkat 5 & 6, Menara Khidmat
Jalan Belia
88000 KOTA KINABALU

Pengarah
Jabatan Pertanian Sabah
Tingkat 5, Menara Khidmat
Jalan Belia
88000 KOTA KINABALU

Pengarah
Jabatan Perhutanan Sabah
Beg Berkunci No. 68
90009 SANDAKAN

Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN MALAYSIA SABAH
BILANGAN 2 TAHUN 2002**

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PEROLEHAN SECARA RUNDINGAN TERUS

Adalah saya dengan hormatnya menarik perhatian Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa sejak kebelakangan ini, Perbendaharaan Malaysia Sabah (PMS) banyak menerima permohonan bagi mendapatkan kelulusan rundingan terus baik dari pihak kontraktor mahupun dari pihak Jabatan/Agensi Kerajaan.

3. Dalam hubungan ini, suka saya menarik perhatian mengenai syarat panggilan tender seperti yang digariskan dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 2001 yang menetapkan panggilan tender hendaklah dibuat bagi perolehan yang melebihi RM200,000.00. Perolehan yang dibuat tanpa tender, umpamanya perolehan secara rundingan terus, hanya boleh dibuat setelah diluluskan oleh Kementerian Kewangan. Garis panduan ini telah dikeluarkan melalui surat edaran bertarikh 17 April 2002 yang dikeluarkan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan Malaysia kepada semua Pegawai Pengawal.

4. Suat Pekeliling ini adalah untuk memaklumkan garis panduan permohonan perolehan secara rundingan terus di mana hanya boleh dipertimbang berasaskan kriteria, seperti berikut:

(a) **Keperluan Mendesak**

Perolehan kerja/bekalan/perkhidmatan yang mendesak dan perlu disegerakan. Sekiranya perolehan tersebut tidak dibuat dengan segera maka akan memudaratkan dan menjejaskan perkhidmatan dan kepentingan awam.

(b) **Bagi Maksud Penyeragaman**

Bagi memastikan kesesuaian penggunaan antara barangan yang sedia ada dengan barangan baru yang akan dibeli, maka permohonan untuk membeli barangan yang sama dan daripada pembekal yang sama secara rundingan terus boleh dipertimbangkan.

(c) **Satu Punca Bekalan/Perkhidmatan (Pembuat/Pemegang Franchais)**

Pembelian khusus yang mana hanya satu syarikat sahaja yang dapat membekalkan barangan atau perkhidmatan yang dikehendaki seperti membeli alat ganti dan lain-lain.

(d) **Melibatkan Keselamatan/Strategik**

Perolehan yang melibatkan alat-alat keselamatan atau projek tertentu yang strategik yang perlu dirahsiakan.

(e) **Kontrak Dengan Syarikat Pembuat Bumiputera**

Dalam usaha untuk memupuk pertumbuhan syarikat Bumiputera yang bertaraf pembuat, kerajaan telah mengadakan tender khusus yang dibuka kepada pembuat berkenaan sahaja. Bagi barangan tertentu yang mana terdapat satu atau dua pembuat Bumiputera sahaja, perolehan secara rundingan terus bolehlah dipertimbangkan bagi membantu mewujudkan pembuat Bumiputera yang berdaya saing.

5. Permohonan perolehan rundingan terus akan hanya dipertimbangkan sekiranya perolehan tersebut belum dilaksanakan. Surat permohonan hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Pengawal/timbalannya sahaja dan disertakan dengan profil syarikat yang diperakukan serta skop projek. Permohonan yang tidak memenuhi kriteria yang tersebut di atas akan ditolak.

6. Perbendaharaan Malaysia Sabah (PMS) ingin mengingatkan agensi/jabatan yang berkaitan supaya dapat mematuhi kriteria ini semasa mengemukakan permohonan bagi mengelakkan sebarang kelewatan. Untuk makluman Y.Bhg Dato'/Datuk/Tuan/Puan permohonan kelulusan perolehan kerja/bekalan/perkhidmatan secara rundingan terus akan dikemukakan ke Kementerian Kewangan untuk pertimbangan dan kelulusan.

Sekian. Terima kasih.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA “

Saya yang menurut perintah,

T.T

(DAUD BIN TAHIR)

Pegawai Kewangan Persekutuan,
Sabah.